

BAB V

BAB V

PENUTUP

5.1 KESIMPULAN

Program KAFA adalah suatu konsep pendidikan agama peringkat rendah, bagi menyokong dan memperkukuhkan pendidikan Islam yang sedia ada dalam pelaksanaan Pendidikan Kebangsaan Negara Malaysia. Penekanan yang diberikan dalam program tersebut ialah dalam aspek kemahiran membaca al-Quran dengan bertajwid dan pengukuhan asas-asas fardu ain di kalangan murid-muridnya, termasuk pengetahuan Bahasa Arab dan menulis Jawi.

Objektif utama yang disasarkan melalui program tersebut ialah; Untuk memastikan setiap kanak-kanak muslim boleh membaca al-Quran dengan baik dan memahami asas-asas fardu ain serta mempraktikkan cara hidup Islam.

Program KAFA kelolaan JAKIM, di Kangar, Perlis, yang bermula pada awal Jun 1990, adalah kelangsungan daripada kelas-kelas al-Quran kelolaan MAIPs yang telah sedia ada sebelumnya, dengan peningkatan dan pengemaskinian pengajian al-Quran serta ditambah pengajian fardu ain yang lebih seragam dan sistematik.

Kurikulum KAFA meliputi tujuh subjek iaitu: Asas Tilawah al-Quran, Asas *'Ulūm al-Syarī'ah*, Asas Akhlak Islam, Sirah Rasulullah, Asas *al-Lughah al-'Arabiyyah* dan Asas Jawi dan Khat. Tujuh subjek tersebut dan kaedah P&Pnya, adalah berdasarkan garis panduan yang telah diselaraskan oleh BPPI, JAKIM.

Program KAFA di Kangar, Perlis, juga merangkumi aktiviti-aktivitinya yang dikendalikan oleh Unit KAFA, Bahagian Pendidikan, JAIPs dengan bantuan pihak pusat (JAKIM), kepada para penyelia, guru-guru dan murid-murid, dalam merealisasikan objektif-objektif murni KAFA.

Pentadbiran program KAFA di Unit KAFA, Bahagian Pendidikan, JAIPs, merangkumi penyediaan kursus-kursus dan latihan-latihan bagi para penyelia dan guru KAFA. Ia juga meliputi pentadbiran UPKK dan buku-buku sumber KAFA.

Unit KAFA juga bertanggungjawab dalam aspek pengurusan KAFA, yang meliputi pengurusan kewangan, pewujudan kelas-kelas, pendaftaran guru-guru dan murid-murid serta penyediaan kemudahan P&P.

Program KAFA di Kangar, Perlis, telah memberi kesan yang positif kepada sebahagian besar murid-murid Islamnya di lokasi tersebut, dalam mengukuhkan dan memperkayakan lagi asas-asas Pendidikan Islam di kalangan mereka. Program KAFA juga telah membantu mereka, memahami dan mempraktikkan asas-asas fardu ain dan cara hidup Islam yang lebih menyeluruh.

Namun begitu, keberkesanan program Kafa lebih jelas dan ketara di sekolah-sekolah, berbanding dengan program tersebut di lokasi-lokasi Kafa luar sekolah (masjid-masjid, surau-surau dan dewan-dewan), terutamanya sekali dalam subjek-subjek berkaitan dengan fardu ain yang memerlukan ABM yang sempurna dan kaedah P&P yang berkesan seperti; Asas *'Ulūm al-Syarī'ah*, Asas Akhlak Islam, Sirah Rasulullah, Asas *al-Lughah al-'Arabiyyah* dan Asas Jawi dan Khat. Maka, didapati bahawa murid-murid Kafa di lokasi-lokasi Kafa luar sekolah, lebih rendah prestasi akademik dan kefahaman mereka dalam perkara-perkara tersebut di atas, berbanding dengan murid-murid Kafa di sekolah-sekolah.

Program Kafa di Kangar, Perlis, adalah tidak sunyi daripada beberapa rintangan dan masalahnya. Masalah-masalah tersebut secara asasnya pula, melibatkan dua tempat utama, iaitu:-

Pertama: Di Unit Kafa, Bahagian Pendidikan, JAIPs

Kedua : Di Lokasi-lokasi program Kafa (di sekolah/luar sekolah)

Masalah-masalah utama di Unit Kafa, Bahagian Pendidikan, JAIPs, meliputi ketiadaan Bilik Operasi Kafa yang khusus, kekurangan kakitangan sokongan dan tugas-tugas penyeliaan yang jarang dilakukan.

Masalah-masalah Kafa lebih ketara dan banyak berlaku di lokasi-lokasi Kafa luar sekolah berbanding dengan di sekolah-sekolah yang melibatkan sekolah-sekolah. Namun begitu, terdapat persamaan masalah Kafa antara kedua-dua lokasi utama tersebut iaitu; penyeliaan Kafa yang tidak kemas, pertembungan Kafa dengan aktiviti-aktiviti sekolah, ketiadaan rekod kehadiran

guru-guru Kafa, kekurangan buku-buku sumber Kafa, kekurangan minat dan kerjasama daripada sebilangan murid-murid Kafa, elaun para guru Kafa yang kurang mencukupi dan kekurangan pendedahan dengan kursus/latihan di kalangan guru-guru Kafa tersebut.

Adapun masalah-masalah Kafa yang lebih ketara di lokasi-lokasi luar sekolah pula ialah kekurangan perjumpaan antara guru-guru Kafa, tiada kemudahan kelas dan ABM, kemudahan lokasinya yang kurang selesa, tiada pembahagian umur dalam “kelas” atau kumpulan, kekurangan kerjasama daripada JKKK dan kekurangan disiplin di kalangan sebahagian murid-murid Kafa.

5.2 SARANAN

Penulis dalam bab ini juga mengemukakan saranan-saranan untuk pertimbangan pihak berwajib seperti JAKIM dan Unit Kafa, Bahagian Pendidikan, JAIPs bagi peningkatan dan kemajuan program Kafa, yang merangkumi aspek-aspek berikut:-

5.2.1 Aspek Pengajian Kafa

Berdasarkan maklum balas para responden dalam borang-borang soal selidik yang diedarkan oleh penulis, di antara saranan-saranan utama yang dikemukakan bagi meningkatkan mutu dan kualiti pengajian Kafa adalah seperti berikut:-

- 5.2.1 Pembekalan buku-buku sumber Kafa secara percuma kepada guru-guru Kafa di Kangar, Perlis beserta dengan penerangan kaedah mengaplikasikannya ke dalam program Kafa oleh kakitangan Unit Kafa yang berkenaan.

- 5.2.2 Kursus-kursus atau latihan-latihan bagi mengukuhkan kefahaman dan penghayatan guru-guru KAFA berkaitan dengan subjek-subjek KAFA harus disediakan secara menyeluruh dan berjadual, terutama sekali bagi subjek-subjek yang melibatkan amali atau praktikal. Di sini penulis melihat bahawa peranan Unit KAFA amat diperlukan bagi memastikan kehadiran yang baik dalam aktiviti-aktiviti yang dianjurkan dengan langkah-langkah yang bijak seperti mewajibkan kursus-kursus tersebut, mengambil tindakan tata tertib bagi guru-guru yang tidak menghadirinya dan sebagainya.
- 5.2.3 Kursus-kursus dan latihan-latihan Pengukuhan KAFA (mengikut turutan yang terutama) yang dicadangkan (berdasarkan maklum balas tersebut juga) meliputi; Kursus Kaedah P&P KAFA, Kursus Tahsin al-Quran atau Tajwid, Kursus Pemantapan Subjek-subjek Fardu Ain KAFA, Kursus Bahasa Arab, Kursus Motivasi Guru-guru KAFA, Kursus Pedagogi dan Andragogi, Kursus Kaedah Pengurusan Kelas KAFA dan Kursus Asas Komputer.
- 5.2.4 Waktu pengajian KAFA pula perlu diselaraskan dengan bermula dari jam 3.00 petang hingga 5.00 petang agar latihan amali solat Asar dapat dipraktikkan di kalangan murid-murid.
- 5.2.5 Disiplin murid-murid KAFA dari sudut komitmen mereka dengan jadual waktu KAFA, pemakaian pakaian yang kemas atau lebih baik lagi pakaian seragam yang khas, ketenteraman dalam kelas dan sebagainya harus diambil perhatian oleh para penyelia dan guru-guru KAFA terbabit.

- 5.2.6 Masalah pelanggaran disiplin di kalangan sebahagian murid-murid KAFAs, terutamanya di lokasi-lokasi KAFAs luar sekolah, boleh ditangani dengan murid-murid terbabit dilibatkan dalam program Khemah Ibadat atau Kepimpinan Islam dan guru-gurunya pula diberikan pendedahan dengan Ilmu Psikologi Kanak-kanak melalui bengkel atau latihan yang berkaitan.
- 5.2.7 Kemudahan ABM dan pra sarana kelas pula, wajar dipertingkatkan mutu dan keselesaiannya, terutama sekali di lokasi-lokasi KAFAs luar sekolah oleh pihak kerajaan negeri atau badan-badan tertentu, melalui JKKK terbabit.

Di samping saranan-saranan yang dikemukakan melalui maklum balas para responden itu tadi, penulis juga menemubual Ustazah Che Mah bt. Salleh, seorang Guru Pembimbing Kaedah P&P dan Tilawah al-Quran, KAFAs, Perlis, bagi meninjau cadangannya dalam aspek pengajian KAFAs. Antara isu yang disentuhnya ialah fenomena KAFAs berwajah atau berorientasikan “kelas mengaji al-Quran” semata-mata.

Dalam hal ini, beliau menjelaskan bahawa fenomena KAFAs sebagai “kelas mengaji al-Quran”, terutamanya di lokasi-lokasi KAFAs luar sekolah, sebenarnya dapat diatasi atau sekurang-kurangnya diminimumkan dengan penyediaan buku-buku sumber yang percuma, kursus-kursus atau latihan-latihan KAFAs yang menyeluruh dan kemudahan ABM yang lebih sempurna seperti yang telah dijelaskan sebelum ini, ditambah pula dengan pemantauan yang kerap dan bersungguh-sungguh oleh pihak pentadbir (penyelia) dari masa ke semasa.

5.2.2 Aspek Pentadbiran dan Pengurusan KAFA

Penulis dalam hal ini, mendahulukan respon atau maklum balas yang dikemukakan oleh kakitangan yang terbabit secara langsung dengan pentadbiran dan pengurusan KAFA bagi menyumbang idea yang bernas dalam memajukan kedua-dua aspek tersebut.

Berdasarkan temubual penulis bersama Puan Rohaizam bt. Abd. Rahim, KPP di Bahagian Pendidikan, JAIPs, beliau menyarankan agar kakitangan di Unit KAFA, Kangar perlu ditambah memandangkan bilangan mereka sangat sedikit, berbanding dengan tugas-tugas dan tanggungjawab yang dipikul lebih besar.

Beliau menambah lagi bahawa masalah penyeliaan yang amat jarang oleh penyelia terbabit, boleh diatasi dengan sekiranya langkah ini diambil lebih awal dan mendapat kerjasama yang baik daripada pihak pusat iaitu JAKIM.

Cadangan ini turut disokong oleh Encik Aminuddin b. Mohammad, Ketua Penolong Pengarah Bahagian Pendakwaan, JAIPs dan Bekas Ketua Penolong Pengarah Bahagian Dakwah, JAIPs yang pernah terlibat secara langsung dengan program KAFA di awal penubuhannya pada awal Jun 1990, di Kangar, Perlis.

Beliau menegaskan bahawa program KAFA harus diteruskan memandangkan peranannya yang besar dalam mengukuhkan pendidikan Islam di kalangan murid-murid sekolah rendah, dan usaha murni ini perlu disusuli dengan pemantauan atau penyeliaan yang rapi dan berjadual secara berterusan, agar program tersebut berjalan mengikut silibus dan garis panduan yang telah

ditetapkan oleh JAKIM. Dengan yang demikian, barulah matlamat penubuhan KAFAs tercapai dengan jayanya.

KPP tersebut juga memberi saranan agar elaun penyelia KAFAs (bertugas mengikut waktu pejabat) yang berjumlah RM500.00 beserta elaun perbatuan RM250.00 (sekiranya keluar menyelia) wajar ditambah kepada jumlah yang lebih sesuai dengan keperluan dan kehendak semasa. Ini memandangkan bahawa hal elaun yang kurang mencukupi sedikit sebanyak menjejaskan motivasi diri penyelia terbabit untuk bertugas dan akhirnya memberi kesan negatif terhadap program KAFAs di lokasi terbabit.

Encik Mohamad Sabri b. Hj. Bakar yang merupakan Penyelia KAFAs dan Penyelaras UPKK, JAIPs, pula menyarankan agar Mesyuarat Unit KAFAs, Bahagian Pendidikan, JAIPs, harus dilakukan lebih kerap lagi bagi membincangkan langkah-langkah pengurusan program KAFAs dan menyelesaikan masalah-masalah berbangkit dari masa ke semasa.

Berkenaan dengan bilik operasi Unit KAFAs yang sedia ada, maka beliau menyarankan agar inisiatif perlu diambil oleh kakitangan di unit tersebut bagi mewujudkan suasana bilik yang selesa, ceria dan bentuk fizikalnya memudahkan perkhidmatan diberikan kepada para pelanggan, terutama sekali, guru-guru KAFAs atau para ibu bapa murid-murid KAFAs.

Bagi mengatasi masalah pertembungan kelas-kelas KAFAs dengan aktiviti-aktiviti sekolah seperti sukan, program persatuan, kelas tambahan dan sebagainya,

maka Tuan Hj. Bahador b. Hj. Ayob, selaku Bekas Ketua Penyelia KAFA, Unit KAFA, JAIPs, mencadangkan agar suatu pertemuan di awal sesi persekolahan harus dibuat antara pihak pentadbir KAFA dengan para pentadbir sekolah, dalam satu mesyuarat yang besar dan umum, agar diseragamkan program KAFA dan program sekolah-sekolah terbabit.

Dalam hal ini juga, terdapat beberapa saranan yang dikemukakan oleh para responden, berdasarkan maklum balas mereka dalam borang-borang soal selidik yang diedarkan oleh penulis, bagi meningkatkan mutu pentadbiran dan pengurusan KAFA di Kangar, Perlis iaitu:-

- 5.2.2.1 Perjumpaan Umum yang melibatkan Pentadbir KAFA, Kangar, Perlis, Guru-guru besar, JKKK, Guru-guru KAFA dan Para Ibu Bapa Murid-murid terbabit, wajar diadakan bagi mewujudkan persefahaman dan budaya kerjasama di kalangan mereka yang terbabit.
- 5.2.2.2 Bangunan atau sekurang-kurangnya Unit KAFA yang berasingan di bilik yang khas sesuai dipertimbangkan oleh pihak yang berwajib seperti Kerajaan Negeri dan seumpamanya, bagi memastikan penumpuan dan hasil pengurusan yang lebih baik.
- 5.2.2.3 Kebajikan para guru KAFA terutama mereka yang tiada punca pendapatan yang lain, kecuali elaun KAFA harus diberikan perhatian khasnya oleh Persatuan Guru-guru al-Quran dan Fardu Ain.
- 5.2.2.4 Lawatan Sambil Belajar ke “Lokasi-lokasi KAFA Contoh” di negeri lain, boleh dipertimbangkan oleh Unit KAFA, JAIPs, sebagai aktiviti tahunan bagi guru-guru KAFA mempelajari pengendalian dan pengurusan program KAFA yang lebih baik.

- 5.2.2.5 Anugerah “Guru Kafa Mithali atau Cemerlang” elok diwujudkan bagi memberi motivasi kepada guru-guru Kafa meningkatkan mutu P&P dalam kelas-kelas Kafa yang dikendalikan.
- 5.2.2.6 Peraturan Pengurusan Program Kafa harus diwujudkan bagi memastikan komitmen dan tahap disiplin yang baik di kalangan guru-guru Kafa serta menjamin pengurusan program tersebut yang berkesan.
- 5.2.2.7 UPKK perlu diberikan penekanan dari aspek kehadiran calon-calon yang menyeluruh dan berpakaian seragam (contohnya seragam sekolah) yang sepenuhnya.
- 5.2.2.8 Elaun Guru-guru Kafa sekarang yang berjumlah RM288.00 (bagi 24 jam mengajar dalam sebulan) wajar dikaji semula, selaras dengan keperluan semasa sekaligus memartabatkan pendidikan Islam di negara Malaysia amnya.

Berdasarkan maklum balas para responden di sekolah-sekolah (40%) dan lokasi-lokasi Kafa luar sekolah (80%), yang menganggap kadar elaun sekarang belum mencukupi, penulis merumuskan cadangan-cadangan elaun Kafa patut yang telah dikemukakan oleh sebahagian besar daripada mereka adalah di antara RM300 hingga RM400 sebulan bagi 24 jam mengajar.

Ustazah Che Mah bt. Salleh sekali lagi menyentuh isu elaun Kafa patut di mana beliau mencadangkan agar elaun tersebut dinaikkan daripada RM12.00 sejam kepada RM15.00 sejam. Ini bermakna kadar elaun yang dicadangkan beliau adalah RM360.00 sebulan atau RM15.00 x 24 jam mengajar bagi tempoh sebulan

5.2.3 Kajian Lanjutan Berkaitan Program Kafa

Setelah penulis mengkaji program Kafa di Kangar, Perlis dari sudut keberkesanan dan masalahnya, penulis turut mencadangkan beberapa tajuk berkaitan program yang sama untuk kajian atau penyelidikan lanjutan iaitu:-

- 5.2.3.1 Kaedah-kaedah Pengajaran dan Pembelajaran al-Quran: Kajian Cara Mengaplikasikannya Dalam Program Kafa.
- 5.2.3.2 Kurikulum Program Kafa: Kajian Semula Berkenaan Kesesuaiannya Dengan Tahap-tahap Umur Murid-muridnya.
- 5.2.3.3 Keberkesanan Program Kafa Dalam Memperkukuhkan Pendidikan Islam Peringkat Rendah: Kajian Perbandingan Antara Lokasi Dalam dan Luar Bandar.
- 5.2.3.4 Pengajian Bahasa Arab Peringkat Rendah: Kajian Kaedah Pengajaran dan Pembelajarannya Dalam Program Kafa.
- 5.2.3.5 Konsep Pentadbiran dan Pengurusan Islam Dalam Program Kafa.

Ringkasnya, program Kafa wajar diteruskan bagi menyokong dan memperkukuhkan pendidikan Islam yang sedia ada dalam pelaksanaan Pendidikan Kebangsaan Negara Malaysia.

Ini memandangkan program Kafa telah memberi kesan yang positif dan menggalakkan kepada sebahagian besar murid-muridnya dalam aspek kemahiran membaca al-Quran dengan bertajwid dan pengukuhan asas-asas fardu ain, termasuk pengetahuan Bahasa Arab dan menulis Jawi.

Namun begitu, pihak yang terlibat harus mendepani beberapa masalah dan rintangan dalam usaha menjayakan program yang murni ini dengan bijak dan terancang. Oleh yang demikian, kerjasama semua yang terlibat, terutamanya pihak JAKIM dan Unit KAFA di JAIPs, para pentadbir sekolah, para JKKK, para penyelia dan para guru KAFA adalah resepi terbaik bagi menjamin kecemerlangan dan kemajuan program KAFA di masa-masa akan datang.

Semoga Allah memberkati dan merestui usaha murni ini agar generasi muda zaman kini, celik dan memahami kitab suciNya serta menghayati cara hidup Islam dalam kehidupan seharian mereka. Amin.